

Mahathir: Jangan sombong - 8 DEC 1985 kerana ijazah

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan graduan-graduan jangan berbangga dan menganggap sijil atau ijazah yang diperolehi sebagai kunci mendapatkan pekerjaan bergaji besar.

Yang penting, katanya ialah mengamalkan segala ilmu yang dipelajari supaya kerja mereka mendatangkan hasil seperti yang diharapkan.

Berucap di Ekspo Keusahawanan Pelajar 1985 yang pertama, di Changkat Pavilion di sini, Perdana Menteri menegaskan, kursus yang diikuti bukan bertujuan mendapat sijil dan ijazah yang cantik, yang boleh menghiasa pejabat atau rumah, bersamasama gambar ketika konvokesyen.

"Yang penting ialah bagaimana caranya kita menggunakan ilmu yang diperolehi itu sebaik-baiknya. Institusi dan kursus yang diikuti tidak akan menjamin kejayaan sekiranya kita tidak mengubah sikap.

"Gaji yang besar dan pangkat yang tinggi tidak bermakna jika kerja yang dijalankan tidak

bermutu dan sentiasa kerugian sepanjang masa," tegasnya.

Kepada graduan Bumiputera khususnya, Perdana Menteri mengingatkan supaya jangan terlalu mengharapkan bantuan kerajaan untuk terus berjaya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tanggungjawab kerajaan ialah memberi bantuan melalui bekalan ilmu dan terpulanglah kepada mereka untuk mencapai kejayaan yang dikehendaki.

Mengenai perkembangan keusahawanan khususnya di kalangan Bumiputera di negara, beliau berkata penyertaan dan amalan di bidang berkenaan masih belum begitu menggalakkan.

"Walaupun negara kita mempunyai beribu-ribu jenis perniagaan, yang ada ialah peniaga biasa sahaja. Usahawan bu-

kanlah peniaga biasa, ia adalah peniaga istimewa dan mempunyai kebolehan dan sifat-sifat yang baik, cekap dan rajin. Seorang peniaga atau pengusaha tidak semestinya menjadi usahawan," tegasnya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir lagi, disebabkan pentingnya ilmu perniagaan, kerajaan mahu bidang berkenaan diajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi tempatan.

Bercakap kepada pemberita selepas melawat gerai-gerai pameran, Datuk Seri Dr Mahathir puas hati dengan kegiatan perniagaan pelajar sekolah-sekolah yang mengambil bahagian.

Dengan adanya usaha begini, pelajar yang berbilang kaum akan dapat berganding bahu menjalankan perniagaan dalam satu gerai, ujarnya.